



Masalah air: Tiga tahun tidak duduk rumah sendiri

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	309,552	Circulation	154,776
PR Value	92,866	Page	26

Page Location



Masalah air: Tiga tahun tidak duduk rumah sendiri

PADA 2022 lalu, saya membeli rumah lelong di Pangsapuri Sri Kenali, Subang Kerian di Kota Bharu, Kelantan. Bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan elektrik, saya ke Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk mendaftarkan sambungan elektrik atas nama sendiri. Urusan itu mudah dan cepat.

Namun, apabila ingin membuat penyambungan dan buka akaun baharu bagi mendapatkan bekalan air, Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB), tidak membenarkannya atas alasan akaun pemilik asal mempunyai tunggakan ratusan ribu ringgit.

Pihak AKSBS meminta pemilik baharu (iaitu saya) membuat bayaran penuh bagi tunggakan oleh pemilik asal sebelum membenarkan penyambungan.

Untuk maklumat, rumah ini telah dibeli sejak tiga tahun lalu namun masih belum dapat dihuni memandangkan bekalan air sudah dipotong tanpa kompromi.

Saya sebagai pembeli rumah lelong terasa tertipu dan menjadi mangsa keadaan kerana tunggakan air bukan disebabkan oleh saya.